



NAMI ISLAND

6 HARI 5 MALAM ROMANTISNYA KOREA + CHERRY BLOSSOMS


Incheon - Nami Island - Songdo - Seoul

HARGA FIESTA

ALL-IN
RM **3,490**

WARGA EMAS

ALL-IN
RM **3,450**



MUSIM

Musim Bunga Mac - Mei



MATAWANG

Korean Won 100 KRW = RM0.37



PERBEZAAN WAKTU

Korea : + 1 Jam



HOTEL PENGINAPAN

Destinasi	Bil. Malam	Hotel
SEOUL	5	Intercity Hotel / setaraf

HARI 1 KUALA LUMPUR - INCHEON - SEOUL



Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk penerbangan ke Seoul. Sejurus ketibaan di Lapangan Terbang Incheon, tetamu akan disambut oleh wakil kami. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.

HARI 2 INCHEON - NAMI ISLAND



Sarapan pagi di hotel. Kemudian menuju ke **Nami Island** yang popular sebagai lokasi penggambaran drama Korea yang cukup popular di Malaysia suatu ketika dahulu, Winter Sonata. Tetamu berpeluang menikmati pelayaran tasik dan bersiar-siar di sepanjang jalan yang dipenuhi pokok-pokok yang tersusun indah. Solat dan makan tengah hari sebelum tetamu dibawa melawat **Incheon Grand Park** yang merupakan taman bandar dan terbesar di Incheon untuk menyaksikan **Cherry Blossom Festival**. Terdapat banyak pokok bunga sakura yang mekar ketika festival ini. Tetamu berpeluang menyaksikan kecantikan asli bunga sakura dan berkesempatan bergambar berlatar belakang pokok sakura yang hanya mekar sekali dalam setahun. Kemudian tetamu akan dibawa ke **Yeuido Spring Flower Festival** pula yang popular dengan tarikan 1,886 pelbagai jenis pokok ceri Korea. Makan malam di restoran dan pulang semula ke hotel.

HARI 3 SEOUL - EVERLAND THEME PARK



Selepas sarapan pagi di hotel, tetamu akan dibawa ke Yongin untuk menghiburkan diri dengan pelbagai jenis permainan yang terdapat di **Everland Theme Park**. Ada permainan yang sesuai untuk kanak-kanak dan orang tua, malah ada juga roller-coaster untuk yang dewasa.



Makan tengah hari dan solat di Everland Themepark. Seterusnya, tetamu berpeluang untuk merasa sendiri seni pembuatan kopi Korea di mana tetamu akan menemai pengalaman berharga menjadi seorang **Coffee Barista** dan seterusnya menikmati hasil kopi buatan sendiri. Lawatan diteruskan ke **Daejangeum Theme Park** yang dikenali sebagai set penggambaran drama-drama Korea berbentuk sejarah. Ianya dibina khas bukan sahaja untuk

HARI 4 SEOUL



Sarapan pagi di hotel. Tetamu akan dibawa melawat **Gyeongbokgung Palace**; istana utama pada zaman Dinasti Joseon yang dibina pada tahun 1395. Kompleks istana ini juga menempatkan beberapa istana kecil yang lain dan tarikan utama ialah sesi pertukaran pengawal yang memakai baju tradisi Korea di hadapan **Gwanghwamun Gate**. Seterusnya tetamu akan dibawa berfoto di Muzium Rakyat Kebangsaan dan Rumah Biru Presiden yang merupakan kediaman rasmi Presiden Korea. Kemudian tetamu akan dibawa untuk melawat ke **Seaweed Museum** di mana tetamu berpeluang untuk menyertai kelas membuat Kimchi sambil memakai pakaian tradisi Korea iaitu Hanbok. Seterusnya membeli-belah di **Pusat Ginseng, Butik Kosmetik dan Kilang Batu Permata**. Solat di Masjid Negara Seoul dan makan tengah hari. Selepas itu tetamu akan dibawa untuk membeli-belah di **Myeongdong Street** yang merupakan pusat membeli-belah terbesar dan juga ke **Namdaemun Street**. Tetamu berpeluang membeli-belah di pasar tradisional tertua dan terbesar di Seoul. Harga barangan yang ditawarkan di sini amatlah berpatutan. Seterusnya, menonton persembahan Bibap Show yang bertemakan musikal komedi sambil menyajikan hidangan komedi bukan lisan berdasarkan hidangan yang disediakan oleh Chef. Ia mengambil nama sempena menu Bibimbap (nasi dicampur dengan sayur-sayuran dan daging) yang terkenal di Korea. Makan malam di restoran dan pulang ke hotel.

HARI 5 SEOUL



Sarapan pagi di hotel. Tetamu akan dibawa membeli-belah di **Insadong Antique Shop Alley, Kompleks Bebas Cukai Dunghwa, Kedai Ubat Pine dan Hongdae Fashion Street** di mana sini adalah syurga membeli-belah bagi golongan muda dan bekerja. Pelbagai barangan seperti baju, kasut, beg dan bermacam lagi terdapat di sini. Makan tengah hari di restoran tempatan dan solat. Seterusnya melawat ke **3D Trick-Eye Museum + Ice Gallery** sebelum bertolak ke **Menara Namsan**. Di sini tetamu akan mendaki untuk ke puncak bagi melihat pemandangan indah bandar Seoul. Selepas itu, tetamu akan dibawa ke **Dongdaemun DDP Plaza** yang merupakan simbol kemajuan pembangunan bandar utama di Seoul. DDP direka dengan bentuk neofuturistik yang tersendiri yang dicipta oleh "struktur lengkung yang kuat, melengkung struktur". Mercu tanda ini merupakan pusat fesyen Korea Selatan dan destinasi pelancongan yang popular Dongdaemun, yang memaparkan taman yang boleh dilayari di bumbungnya, ruang pameran global yang besar, kedai runcit futuristik dan dipulihkan dari benteng Seoul. Makan malam di restoran dan pulang ke hotel.

HARI 6 SEOUL - KUALA LUMPUR



Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Membeli-belah saat akhir di sebuah pasaraya tempatan sebelum bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

4 Apr 2019 CATHAY PACIFIC

KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 3,890	RM 4,590	RM 3,890	RM 3,390	RM 2,990
Warga Emas	RM 3,790	RM 4,490			
FIESTA	RM 3,490	RM 4,290	RM 3,490	RM 3,190	RM 2,790
Warga Emas	RM 3,450	RM 4,250			

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	KA 730	K. LUMPUR - H. KONG	0855	1305
01	CX 418	H. KONG - INCHEON	1425	1915
06	CX 417	INCHEON - H. KONG	1015	1300
06	KA 729	H. KONG - K. LUMPUR	1610	2005

9 Apr 2019

KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 3,790	RM 4,490	RM 3,790	RM 3,290	RM 2,890
Warga Emas	RM 3,690	RM 4,390			
FIESTA	RM 3,490	RM 4,190	RM 3,490	RM 3,090	RM 2,690
Warga Emas	RM 3,450	RM 4,150			

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	D7 504	K. LUMPUR - INCHEON	0720	1520
06	D7 507	INCHEON - K. LUMPUR	0945	1515

Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan 5 malam di hotel 3* dengan sarapan (rujuk senarai hotel yang ditawarkan).
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Nami Island, Everland Theme Park, Gyeongbok Palace, Bibap Show dan 3D Trick Eye Museum.
- Makanan sesuai Muslim seperti yang terdapat di dalam aturcara.
- Perkhidmatan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris yang berpengalaman sepanjang lawatan.
- Tip kepada pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran. Diiringi ketua rombongan yang terlatih professional dari Wan Vacation Sdn Bhd.
- Bagasi 20kg, dan Bagasi Kabin 7kg.

Pakej Tidak Termasuk

- Insurans kembara (travel insurance) - sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.
- Surcaj tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah (sekiranya ada dinyatakan di dalam waktu perlepasan).
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
- Makan minum, tiket lawatan dan lawatan lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang dibawa.
- Perkarla lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

